

**PENGURUSAN BAKAT PELAJAR SEKOLAH UNTUK  
KEMENJADIAN INSAN: KEPERLUAN DAN CABARAN****SCHOOL STUDENT TALENT MANAGEMENT FOR  
HOLISTIC HUMAN DEVELOPMENT: NEEDS AND  
CHALLENGES****Tajul Nizam bin Ibrahim<sup>1</sup>****\*Zaharah binti Hussin<sup>1</sup>****Ahmad Zabidi Abdul Razak<sup>1</sup>**

[1] Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

\*zaharah@um.edu.my

**Abstract:** Student talent management is one important aspect in the field of education and should be given specific focus as well as a holistic approach. This article aims to provide a comprehensive account of the needs and challenges in student talent management in Malaysian schools. The data for this article was collected using the bibliographic method, by collecting and conducting content analysis on relevant past studies in the area. The results of the study found a need for attention and immediate implementation of efforts to manage student talent. The challenges of parental involvement, environment, 21<sup>st</sup> century education, industrial revolution 4.0 and the post COVID-19 education landscape increase the need for proper student talent management. This article provides implications for the ministry, individuals, and related non-governmental organisations to consider in upholding their talent management practices.

**Keywords:** Sociology Education, Human Capital Development, Holistic Education

**PENGENALAN**

Bakat menurut Thorne dan Pellant (2007) adalah individu yang mempunyai keupayaan melebihi daripada orang lain dan tidak memerlukan usaha yang banyak untuk menggunakannya. Gagné (2009) memberi takrifan bakat sebagai keupayaan luar biasa yang dibangunkan secara sistematik dan dipanggil sebagai kecekapan kompetensi iaitu kedudukan yang meletakkan seseorang itu 10% teratas dalam sesuatu bidang dalam kalangan rakan sebayanya. Menurut Abu Yazid dan Noriah (2019), tiada satu takrifan khusus bagi bakat dan huraian berkaitannya sentiasa terbuka untuk diperbincangkan. Setiap pelajar mempunyai bakat dan potensi tersendiri, malah pelajar yang mempunyai masalah keupayaan pembelajaran *learning disability*, kecelaruan tingkah laku *behavioral disorder*, defisit perhatian, disleksia dan keupayaan fizikal, turut mempunyai bakat dan kecerdasan (Baum, S.M. et. al., 2017).

Kepelbagaian bakat yang dimiliki oleh semua pelajar perlu diuruskan dengan baik agar bakat tersebut dapat dikembangkan untuk kebaikan individu tersebut dan juga pihak berkaitan dengan beliau. Teori Kecerdasan Pelbagai Howard Gardner memperakukan bahawa setiap individu mempunyai kecerdasan yang berbagai dan dalam dunia pendidikan moden, ia mempunyai implikasi tentang keperluan pendidikan yang menilai dan meraikan kepelbagaian pelajar dan seterusnya membolehkan mereka untuk membangunkan potensi selari dengan kecerdasan yang dimiliki (Arshy Prodyantastari, Mustofa Aji Prayitno, Ferdinand Salomo Leuwol, Siti Aminah, Maskur, 2023). Berkaitan dengan pernyataan bakat, Howard Gardner (1983), yang merupakan seorang ahli psikologi pendidikan terkemuka telah mengutarakan konsep teori baru yang memberi pengertian lebih luas dan pelbagai terhadap kepintaran dan bakat dari lapan perspektif berbeza; 1. Linguistik / Bahasa 2. Muzikal 3. Logik matematik 4. Kinestetik tubuh badan 5. *Interpersonal* 6. *Intrapersonal* 7. Kefahaman *visual-spatial* dan 8. Kefahaman tentang alam semulajadi atau *naturalistic*. Beliau turut menambah bahawa kepintaran dan bakat tidak semestinya terhad kepada aktiviti kapasiti intelektual sahaja. Ini memberi makna bahawa kepelbagaian bakat atau kecerdasan yang ada pada pelajar perlu diuruskan agar potensi perkembangan pelajar dapat dilaksanakan sebaiknya.

**PENYATAAN MASALAH**

Sistem pendidikan di Malaysia ada menyatakan tentang aspek pengurusan bakat pelajar. Dasar Pendidikan Kebangsaan negara dengan jelas menyatakan tentang keperluan usaha berterusan untuk membangunkan potensi individu secara menyeluruh bagi memenuhi aspirasi modal insan negara (Dasar Pendidikan Negara 2017). Pengurusan bakat merupakan antara pendekatan yang digunakan untuk membangunkan potensi insan. Pelan

[28]

Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang dilancarkan pada tahun 2013 menyediakan garis panduan umum berkaitan strategi pendidikan pintar dan berbakat kebangsaan bertujuan menerapkan program sesuai di semua sekolah bantuan kerajaan menjelang tahun 2025. Pihak kerajaan memberi tumpuan terhadap pembangunan murid berprestasi cemerlang dan pintar cerdas yang diklasifikasikan sebagai individu berbakat melalui sekolah sukan dan sekolah berprestasi tinggi. Pelaksanaan pengurusan bakat pelajar adalah antara inisiatif melahirkan golongan pelajar pintar, berbakat serta memiliki keupayaan untuk menjana ilmu baharu dan ekonomi negara melalui penghasilan ilmu yang bakal terbina dan dipraktikkan (Abu Yazid & Noriah, 2019).

Dasar 1Murid 1Sukan, 1Kelab dan 1Badan Beruniform merupakan antara platform menyerlahkan bakat pelajar di luar persekitaran pembelajaran formal. Pada masa ini, antara program dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta di Malaysia bagi memenuhi keperluan pelajar berprestasi tinggi dan pintar cerdas adalah program PERMATA pintar dengan program Kem Cuti Sekolah dan siri program pengayaan Sains, Teknologi dan Matematik selain penempatan pelajar cemerlang di sekolah berasrama penuh. Menurut Cappeli (2008) dalam Azlin et al. (2017), pengurusan aset manusia yang menjadi keutamaan sesebuah organisasi pada abad ke 21 adalah pengurusan bakat. Dengan adanya strategi pengurusan bakat, organisasi dapat mengekalkan kakitangan mahir dan mendapat manfaat keuntungan dari mereka selaras dengan objektif perniagaan (Yong Salmah et al., 2017).

Program pertama khusus untuk pelajar pintar di Malaysia adalah Program Pintar Cerdas (BAKA) dilancarkan pada tahun 1980an. Program ini dilaksanakan menerusi kem pengayaan cuti sekolah menerusi penyediaan modul berkaitan proses dan kemahiran berfikir, pengayaan subjek sekolah serta pengaplikasian apa yang telah diajar. Namun, program ini telah dihentikan dan pelaksanaannya diteruskan di sekolah berasrama penuh (Syamil & Myra, 2021). Secara rasminya pula, program pendidikan khas di Malaysia dimulakan pada 2011 dengan penubuhan sekolah PERMATA pintar iaitu sebuah pusat bagi pengumpulan pelajar pintar dan berbakat (Mokhtar, M., & Mohtar, M, 2019). Sekolah PERMATA pintar dikhususkan untuk para pelajar yang telah melepasi ujian kelayakan kepintaran dan bakat. Persoalannya bagaimana dengan para pelajar yang tidak berpeluang untuk dipilih ke sekolah PERMATA pintar? Apabila bakat para pelajar tidak dicungkil, dibangunkan atau dikenalpasti, berkemungkinan bakat mereka terus terpendam dan tidak mencapai tahap potensi kejayaan diri yang sebenar. Menurut Abu Yazid dan Noriah (2019), dimensi pendidikan berkaitan pengurusan bakat penting bagi menjana pembangunan modal insan dalam usaha menyediakan generasi peneraju masa hadapan sesebuah negara.

Pelan Tindakan PPPM 2013-2015 membangunkan strategi kebangsaan untuk murid pintar cerdas menerusi tiga kitaran gelombang. Gelombang 1 (2013-2016) memberi tumpuan terhadap usaha memahami keperluan murid pintar cerdas dan merangka program untuk mengisi keperluan mereka melalui penanda aras dengan negara lain yang mengadakan perkongsian pintar bersama sektor swasta dan institusi penyelidikan terkemuka bagi membentuk set program khusus murid pintar cerdas dan berbakat. Gelombang 2 (2016-2020) merintis program pintar cerdas dan berbakat manakala gelombang 3 (2021-2025) memurnikan rangka kerja program rintis pintar cerdas dan berbakat ke seluruh Negara. Namun, dasar berpusat tentang program ini dalam pelan tindakan PPPM 2013-2025 tidak menyatakan perancangan jangka panjang, yang melibatkan pentadbiran dan penilaian segmen murid pintar cerdas. Menurut Abu Yazid dan Noriah (2019), masih belum terdapat satu sistem pendidikan menyeluruh dan khas bagi menguruskan bakat murid di Malaysia.

### **Objektif kajian**

Artikel ini bertujuan mengemukakan keperluan aspek pengurusan bakat pelajar sekolah di Malaysia serta mengenal pasti cabaran dalam pelaksanaannya.


### **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian adalah kualitatif menerusi pendekatan analisis kandungan (Bryman, 2012). Pemilihan reka bentuk kualitatif ini sesuai dengan keperluan kajian bagi mengenal pasti keperluan dan cabaran dalam pelaksanaan usaha pengurusan bakat pelajar. Menurut Piaw (2011), ciri data kualitatif menumpukan huraian secara deskriptif, catatan verbal dan maklumat dokumentasi. Ini selari dengan pandangan Mohd Majid Konting (1993) bahawa ciri analisis kandungan ialah fokus terhadap keupayaan serta kemahiran menganalisis sesuatu fenomena. Data bagi kajian ini diperolehi menerusi dokumentasi berkaitan pengurusan bakat pelajar.

Sebanyak 23 artikel dianalisis bagi mengemukakan dua fokus kategori dalam artikel ini iaitu keperluan dan cabaran dalam pengurusan bakat. Rajah 1 mengemukakan dua (2) kategori berkenaan iaitu keperluan dan cabaran pengurusan bakat pelajar sekolah. Di bawah keperluan pengurusan bakat pelajar, tiga tema (3) utama


iaitu potensi diri, menyedia modal insan dan mengembangkan bakat diri telah dikenalpasti. Bagi kategori cabaran pengurusan bakat pelajar pula, sebanyak empat (4) tema utama telah dikeluarkan iaitu penglibatan ibu bapa, persekitaran, pendidikan abad 21, revolusi industri 4.0 dan perubahan landskap pendidikan pasca Covid 19.

## Rajah 1

*Keperluan dan Cabaran Pengurusan Bakat Pelajar Sekolah***DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini menghuraikan berkaitan keperluan dan cabaran dalam aspek pengurusan bakat pelajar sekolah. Sebanyak 9 sub tema awal dikenal pasti berkaitan keperluan pengurusan bakat dan 16 sub tema mengenai cabaran dalam pengurusan bakat. Rajah 2 berikut mengemukakan sub tema bagi keperluan pengurusan bakat pelajar.

## Rajah 2

*Sub Tema Keperluan Pengurusan Bakat Pelajar****Mengenalpasti Potensi Diri (4 sub tema)***


Keperluan pengurusan bakat antara satu sesebuah organisasi dengan organisasi yang lain berbeza mengikut hala tuju atau gagasan penubuhannya. Bagi organisasi perniagaan, pengurusan bakat penting bagi menjamin keupayaannya untuk kekal berdaya maju dan bersaing di pasaran (Siti Zarina & Azman, 2013). Dalam pendidikan, usaha pengurusan bakat pelajar sangat diperlukan untuk memastikan pelajar mendapat peluang mengikuti pengajian yang sesuai dengan diri sekaligus boleh mengembangkan bakat mereka untuk mencapai cita-cita yang diimpikan.

Pengurusan bakat melibatkan aktiviti mencungkil potensi seseorang, diketengah dan dibangunkan ke tahap yang lebih tinggi seterusnya mencapai tahap sebenar keupayaan diri seseorang (Yong Salmah et al., 2017). Kebolehan individu dapat ditingkatkan antaranya menerusi latihan, nasihat, penggunaan peralatan sesuai dan mekanisma khusus yang akhirnya boleh menterjemahkan bakat berkenaan kepada hasil atau pun keluaran menerusi proses pengurusan bakat.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan perancangan melaksanakan perubahan besar terhadap keseluruhan sistem pendidikan semasa bagi melonjakkan pencapaian semua murid. Ia berhasrat untuk mengembangkan manfaat kemajuan pendidikan termasuk kepada murid yang terpinggir. Strategi Kementerian ialah memberi keutamaan kepada kualiti dan pembelajaran, akses kepada maklumat yang tulen dan bermakna, kebertanggungjawaban dan ketelusan serta persekitaran dan infrastruktur pembelajaran yang sesuai. Usaha ini memberi peluang kepada generasi muda Malaysia untuk menguasai pelbagai keupayaan, bakat dan cita-cita masing-masing.

Pengurusan bakat penting bagi mengenal pasti potensi diri individu. Potensi diri penting dikenal pasti bertujuan menjamin keupayaan individu untuk kekal berdaya maju dan bersaing di pasaran, berpeluang mengikuti pengajian atau bidang yang sesuai dengan diri, meningkatkan kebolehan, mengembangkan bakat untuk mencapai cita-cita yang diimpikan, mencungkil potensi seseorang untuk diketengah dan dibangunkan ke tahap yang lebih tinggi seterusnya mencapai tahap sebenar keupayaan diri seseorang. Rajah 3 berikut adalah sub tema bagi tema mengenal pasti potensi diri individu.

***Rajah 3***


*Mengenal Potensi Diri****Pembangunan Modal Insan Kompeten (2 sub tema)***

Keperluan pengurusan bakat yang efektif penting untuk memastikan kepimpinan cemerlang dapat diteruskan tanpa menggugat prestasi sesebuah organisasi (Norman & Cosmas, 2015; Lance & Dorothy, 2004). Menurut Abu Yazid dan Noriah (2019), fokus dimensi pendidikan berkaitan pengurusan bakat penting dalam proses menjana pembangunan modal insan sebagai generasi peneraju negara pada masa hadapan. Menurut Gallardo (2019), di sektor ekonomi, cabaran perniagaan yang kompleks disebabkan faktor globalisasi dan teknologi telah menambah keperluan terhadap pengurusan bakat.

Globalisasi telah membuka suatu era yang menuntut individu berbakat di Malaysia untuk bersaing dengan mereka yang terbaik di peringkat antarabangsa. Malaysia perlu mempunyai sistem pendidikan yang kompeten dan holistik dalam usaha melahirkan tenaga kerja kompetitif dan individu yang berdaya saing di peringkat global. PPPM 2013-2025 dilancarkan dengan kesedaran bahawa pendidikan adalah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara, pencetus kreativiti dan penjana inovasi dan pemangkin pembangunan negara. Keberkesanan pelaksanaan pengurusan bakat ini sangat berkait rapat dengan faktor dalaman dan luaran pelajar. Faktor dalaman seperti personaliti dan keturunan, dan faktor luaran yang melibatkan persekitaran dan budaya, amat mempengaruhi perjalanan pembentukan bakat seseorang. Menurut Mohamed Hatta dan Zul Azlin (2018) pembangunan menyeluruh manusia meliputi pengaruh bio-fizikal, komponen psikologi, keadaan sosial dan sendiri spiritual. Sehubungan itu, pengurusan bakat perlu melihat kepada keempat-empat komponen fizikal, psikologi, sosial dan spiritual.

Antara tujuan perlaksanaan usaha pengurusan bakat ialah keperluan menyediakan modal insan yang kompeten bagi negara pada masa hadapan dalam pelbagai aspek. Modal insan yang kompeten memiliki ciri kepimpinan dan berupaya mengurus cabaran ekonomi negara yang kompleks ekoran faktor globalisasi dan teknologi. Rajah 4 berikut adalah sub tema bagi keperluan pembangunan modal insan kompeten.

*Rajah 4**Sub Tema Pembangunan Modal Insan Kompeten*




### ***Mengembang Bakat Diri (3 sub tema)***

Pengurusan bakat membolehkan para pelajar mengenalpasti keupayaan serta potensi diri mereka sekaligus dapat memilih haluan dan bidang pengajian selari dengan keupayaan dan kecenderungan mereka. Pengabaian terhadap aspek pengurusan bakat pelajar boleh menyumbang terhadap keciciran pelajar dari sistem pendidikan perdana. Fenomena keciciran pelajar adalah fenomena yang biasa berlaku dalam kalangan pelajar sekolah. Memperkasakan pendidikan luar bandar boleh merapatkan jurang pendidikan dengan bandar dan seterusnya mengurangkan risiko keciciran pelajar (Zalika et al., 2009). Menurut Elsie Robertson (1991), dalam kajiannya beliau mendapati antara faktor penyebab keciciran pelajar menengah adalah tahap sosioekonomi yang rendah, terutamanya dalam kalangan pelajar berstatus minoriti, keupayaan berbahasa Inggeris yang terhad, dan anggapan terhadap keupayaan akademik yang rendah. Faktor penyebab keciciran lain termasuk personaliti pelajar, faktor luaran seperti budaya dan persekitaran, pengaruh rakan sebaya dan cara pengajaran guru. Menurut Norfarahzatul et al. (2022), usaha meningkatkan kesedaran ibu bapa, motivasi, minat pelajar serta mempelbagaikan gaya pengajaran boleh membantu mengelakkan berlakunya keciciran.

Usaha pengurusan bakat pelajar ini selari dengan keperluan kemahiran pendidikan abad ke 21 yang menitikberatkan pemikiran kritis dan kreatif serta menggalakkan perkembangan sahsiah murid yang holistik dan seimbang. Aspirasi murid yang paling asas dimiliki adalah kemahiran literasi dan numerasi, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa. Menurut Ab Halim dan Nur Hanani (2017), peperiksaan awam sumatif yang dilaksanakan pada masa ini tidak menguji kesemua kemahiran yang dihasratkan dalam sistem pendidikan Negara. Menurut Cecilia dan Sabariah (2019), berikut adalah enam ciri utama diperlukan setiap murid untuk bersaing diperingkat global; pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional.

Sistem Pendidikan Malaysia menyediakan peluang untuk pengembangan bakat pelajar apabila Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan program sokongan untuk murid berkeperluan khas, kumpulan peribumi dan minoriti lain serta murid pintar cerdas dan berbakat untuk mencapai potensi masing-masing. Namun cabaran yang dihadapi oleh sekolah ialah ketiadaan garis panduan sistem khusus atau berpusat untuk pelaksanaan pengurusan bakat pelajar di peringkat kementerian. Usaha mewujudkan suatu garis panduan berbentuk model perlu diberi keutamaan bagi menjayakan matlamat sistem pendidikan negara ke arah pengembangan bakat pelajar (Abu Yazid, 2015). Pelaksanaan pengurusan bakat pelajar dapat bantu mengurangkan keciciran pelajar dari sistem pendidikan perdana, menggalakkan perkembangan sahsiah murid yang holistik dan seimbang dan memperkasa aspek pendidikan luar bandar. Rajah 5 menjelaskan tiga sub-tema mengembang bakat diri.

*Rajah 5*  
*Mengembang Bakat Diri*



Berdasarkan penemuan daripada artikel-artikel berkaitan pengurusan bakat ini, didapati wujud keperluan pelaksanaan pengurusan bakat pelajar di peringkat kementerian pendidikan selari dengan keperluan kemahiran pendidikan abad ke 21 yang menitikberatkan pemikiran kritis dan kreatif serta menggalakkan perkembangan sahsiah murid yang holistik dan seimbang.

### ***Cabaran Dalam Pengurusan Bakat Pelajar Sekolah di Malaysia***

Terdapat beberapa cabaran dikenal pasti menjadi kekangan dalam merealisasikan usaha pengurusan bakat pelajar antaranya;


#### ***Penglibatan Ibu Bapa (3 sub tema)***

Kurang penglibatan ibu bapa merupakan antara cabaran besar dalam mengurus bakat pelajar kerana ibu bapa adalah faktor dominan yang mempengaruhi pembangunan anak-anak. Pendidikan luar bandar berada pada tahap yang rendah kerana beberapa faktor, iaitu tiada kesedaran ibu bapa, kemiskinan keluarga, sikap pelajar, kekurangan bahan bantu mengajar, kemudahan infrastruktur, dan jurang pendapatan penduduk yang ketara.

Ibu bapa merupakan antara cabaran yang mendominasi usaha pengurusan bakat diri pelajar antaranya ialah penglibatan, kesedaran dan genetik ibu bapa. Sub tema bagi cabaran penglibatan ibu bapa ini dijelaskan oleh rajah 6 berikut.

*Rajah 6*

*Sub tema Cabaran Penglibatan Ibu Bapa*



#### ***Persekitaran (4 sub tema)***


Faktor persekitaran dan pengurusan bakat mempunyai perkaitan yang signifikan. Menurut Fahimeh dan Abdolrahim (2011), faktor persekitaran memberikan kesan yang besar dalam pengembangan bakat dan sekiranya seseorang itu diberikan persekitaran yang sesuai, bakatnya akan berkembang dengan baik. Menurut Buarque, Spolar dan Zhang (2006), perbezaan kecemerlangan dalam kalangan pelajar bandar dan luar bandar sering

menjadi isu utama kerana prestasi dan statistik pendaftaran pelajar bandar dilihat lebih baik berbanding pelajar luar bandar. Namun begitu, proses pembangunan diri manusia turut bergantung kepada pelbagai faktor lain seperti persekitaran (Ahmad Rozelan, 2017) genetik dan pengalaman (Ma'rof & Haslinda, 2002). Terdapat keperluan institusi yang terlibat dalam usaha pembentukan pelajar berbakat untuk membentuk persekitaran yang melibatkan para pelajar dalam pelbagai aktiviti komuniti atau kemasyarakatan bagi memupuk ciri kepimpinan (Rorlinda, 2014).

Persekitaran merupakan antara cabaran yang juga mempengaruhi usaha pengurusan bakat diri pelajar. Faktor-faktor persekitaran yang dikemukakan ialah kemiskinan, infrastruktur pembelajaran, pengalaman dan komuniti sekitar. Empat (4) faktor persekitaran dikenalpasti daripada artikel-artikel lepas berkaitan cabaran dalam pengurusan bakat pelajar seperti Rajah 7 berikut;

Rajah 7

Sub tema Cabaran Persekitaran



#### ***Pendidikan Abad Ke 21 (2 sub tema)***

Penguasaan ilmu teknologi golongan pendidik perlu diberi perhatian. Pengurusan bakat perlu dilaksanakan selaras dengan perkembangan teknologi (Hasin et al., 2022). Cabaran bagi para guru pada abad ke-21 bukan sahaja perlu memiliki ilmu pengetahuan. Malahan, mereka perlu mempersiapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu


teknologi dan penggunaannya dalam pembelajaran abad ke 21. Menurut Noryana et al. (2019), tiga teras pengetahuan yang perlu dimiliki ialah teknologi, pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi. Elemen teknologi perlu diberi keutamaan dan perhatian oleh para guru, sejajar dengan arus transformasi pendidikan negara. Selain kepentingan penguasaan guru terhadap aspek pengetahuan kandungan, pendidikan di era Revolusi Industri 4.0, serta transformasi pendidikan negara menuntut guru-guru mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran teknologi. Pendekatan tradisional atau konvensional perlu diperbaharui sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu melalui anjakan ke 7: Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (PPPM 2013-2025). Kaedah konvensional seperti memberi kuliah secara sehalu atau 'chalk and talk' tidak lagi relevan dalam melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Fariza et. al., 2021).

Fenomena sistem pendidikan yang berubah-ubah turut menjadi cabaran dalam usaha pengurusan bakat pelajar. Pendidikan memiliki ciri proses yang dinamik, berubah dari semasa ke semasa ekoran terdapat pelbagai usaha seperti merancang, merangka semula dan menaiktarafkan sistem pendidikan semasa. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat kajian teliti dengan sistem pendidikan negara-negara maju dan berjaya bagi memastikan pendidikan Malaysia setanding dan setaraf dengan pendidikan peringkat dunia. Guru berfungsi sebagai agen penyampai sesuatu kurikulum, maka kesediaan guru perlu seiring dengan perubahan sistem bagi memastikan pendidikan yang dinamik tercapai objektifnya. Menurut Rafferty et al. (2013), kesediaan merupakan salah satu cabaran bagi setiap pembaharuan yang diamalkan pada sesuatu organisasi ataupun sistem di sesuatu negara. Kejayaan sesuatu pembaharuan dalam sistem atau organisasi bergantung pada kesediaan ahli-ahli terlibat terhadap perubahan itu.

Proses pengurusan bakat pelajar yang selari dengan perkembangan teknologi menuntut persediaan guru dengan ilmu-ilmu teknologi dan penggunaannya dalam pembelajaran pendidikan abad ke 21 yang perlu sejajar dengan arus transformasi pendidikan negara. Selain itu, fenomena keperluan pendidikan yang berubah-ubah turut menjadi cabaran dalam usaha pembangunan bakat pelajar kerana ianya memerlukan kesediaan guru untuk bergerak seiring dengan perubahan sistem bagi memastikan pendidikan yang dinamik tercapai objektifnya. Rajah 8 berikut menjelaskan sub tema cabaran pendidikan abad 21 iaitu persediaan guru dan sistem pendidikan yang berubah-ubah.

#### Rajah 8

##### Cabaran Pendidikan Abad 21



#### Revolusi Industri 4.0 (2 sub tema)

Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) banyak mempengaruhi landskap sistem pendidikan dunia. Kecerdasan buatan *artificial intelligence* (AI) dan dunia digital menguasai IR 4.0 yang telah membuatkan penghubung muka *interface* di antara manusia dan mesin bersifat sejagat (Shahroom & Hussin, 2018). Revolusi ini seterusnya membawa kepada terhasilnya model pendidikan masa depan yang dikenali sebagai Pendidikan 4.0. Revolusi industri 4.0 ini juga merupakan fasa yang melibatkan proses digital dalam sektor pembuatan, diterajui perubahan inovatif, termasuk peningkatan data dan perhubungan, analisa, hubungan manusia-mesin, dan penambahbaikan dalam robotik (McKinsey & Company, 2022). Sesungguhnya IR 4.0 telah banyak memberi kesan kepada dunia termasuk sistem pendidikan. Jika dilihat dari segi perkembangan dunia industri, penggunaan tenaga wap telah menggerakkan revolusi industri yang terawal; elektrik memacu revolusi kedua; mesin dan automasi menganjakkan yang ketiga; dan sistem komputer sedang membentuk industri revolusi keempat. Pada masa kini, perubahan industri telah membuatkan robot menggantikan tenaga kerja manusia dalam sebilangan sektor,

malahan fenomena ini bakal berterusan dan berkembang pada masa hadapan. Perkembangan teknologi di era revolusi industri 4.0, telah memberi kesan terhadap peluang pekerjaan bagi graduan apabila robot dapat mengambil alih sumber manusia di sektor-sektor tertentu pekerjaan seperti pemasangan komponen kereta, penyemburan baja pertanian melalui dron dan pengairan pokok secara automatik. Oleh itu, sistem pendidikan perlu memberi fokus terhadap usaha menyediakan siswazah dengan bekalan ilmu-ilmu yang tidak boleh diganti dengan robot sekaligus dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara pada era revolusi industri 4.0.

Perkembangan inovasi dalam pendidikan era revolusi industri 4.0 mesti memberi tumpuan kepada pembangunan pendidik dan kemahiran agar pembelajaran masa hadapan lebih khusus (*customized*), aktif, bijak, mudah alih, maya dan *universal* (Aida & Norhayati, 2018). Inovasi dalam teknologi seperti AI, Internet Benda *Internet of Things* (IoT), Realiti Maya *Virtual Reality* (VR) dan Realiti Tambahan *Augmented Reality* (AR) dengan penggunaan komputer sedikit demi sedikit telah mengubah aliran dan landskap pendidikan dunia kini. Menurut Muaza Shifa dan Ahmad Aizuddin (2023), Revolusi Industri 4.0 yang melibatkan teknologi automasi memberi cabaran dan peluang baharu kepada sektor pendidikan di negara ini. Ini jelas memberi gambaran bahawa sistem pendidikan dalam era revolusi industri 4.0 telah mengubah keperluan pendidikan yang perlu menyatukan pembelajaran dengan teknologi dan juga maklumat. Perubahan ini turut memberi kesan dalam pengurusan bakat pelajar. Revolusi industri 4.0 mempengaruhi landskap sistem pendidikan dunia dan menjadikan bidang pengurusan bakat berhadapan dengan cabaran pembangunan kemahiran pendidik dan teknologi (Rusdinal & Hade Afriansyah 2022). Sehubungan itu, perkembangan inovasi dalam pendidikan era revolusi industri 4.0 mesti ditumpukan kepada pembangunan kemahiran guru dan keperluan prasarana teknologi agar pengajaran dan pembelajaran pada masa hadapan lebih khusus (*customized*), aktif, bijak, mudah alih, maya dan *universal*. Rajah 9 berikut adalah sub tema bagi cabaran revolusi industri 4.0.

#### Rajah 9

##### Sub Tema Cabaran Revolusi Industri 4.0.

|                               |                               |
|-------------------------------|-------------------------------|
| Cabaran Revolusi Industri 4.0 | Kemahiran Guru                |
|                               | Keperluan Prasarana Teknologi |

#### Landskap Pendidikan Pasca Covid-19 (5 sub tema)

Pasca Covid 19 turut memberi cabaran dalam aspek pengurusan bakat pelajar. Salah satu sektor yang terkesan secara langsung adalah dunia pendidikan (Ausat, 2022). Fenomena pandemik Covid 19 telah memberi impak dalam aspek terhadap motivasi pelajar dan sosio ekonomi keluarga (Abdul Rahim et al., 2023). Sektor perniagaan turut terkesan dan melalui pengalaman yang tidak pernah dihadapi sebelum ini. Kajian oleh Raden Isma dan Mohammad Syamsul (2022) melaporkan bahawa cabaran pengurusan bakat yang dihadapi semasa pandemik Covid-19 terdiri daripada: transformasi kepakaran yang memberi kesan kepada teknologi, kesediaan dan ketangkasan untuk berhadapan dengan perubahan dan keperluan organisasi untuk menyesuaikan diri dengan keperluan penggunaan teknologi. Berbalik kepada dunia pendidikan, meskipun pembelajaran terpencil *remote learning* masih menyediakan kesinambungan pembelajaran semasa Covid-19, latihan dan pendidikan vokasional *vocational education and training* (VET) telah menerima kesan besar krisis ini kerana penjarakan sosial dan penutupan premis perusahaan telah membuatkan pembelajaran secara praktikal dan pembelajaran berasaskan kerja *work based learning* tidak dapat dilaksanakan (Andreas, 2020).

Penutupan sekolah telah menyebabkan kelewatan dalam proses pembelajaran dan menurut Alyami et al., (2021), kelewatan ini boleh memberi kesan kepada perkembangan akademik pelajar. Menurut Ranti et al. (2023), Covid-19 telah memberi kesan kepada kaedah pengajaran dengan pengenalan pembelajaran dalam talian. Kaedah ini mempunyai kelebihan dan juga kekurangannya. Kelebihannya adalah sesi pembelajaran boleh dilakukan di mana sahaja asalkan ada liputan internet, disamping penjimatan kos perjalanan bagi yang tinggal jauh dari pusat

pembelajaran dan penjimatan masa perjalanan. Namun ianya tetap mempunyai kekurangan kerana melibatkan isu kualiti talian, keberkesanan sidang kelas kerana kekurangan interaksi secara langsung bersama tenaga pengajar dan limitasi perbincangan. Para pelajar perlu bergantung kepada diri sendiri dalam memahami pembelajaran selain kehadiran perasaan bosan kerana perlu bertahan lama sepanjang sesi pengajian. Usaha yang teratur dan sistematik diperlukan agar murid pasca Covid-19 meraih semula kemahiran dan pengetahuan yang hilang sepanjang pandemik COVID-19 (Abdul Rahim et al., 2023). Pembelajaran atas talian menjadi cabaran dalam pengurusan bakat pelajar kerana sebahagian besar aktiviti pembangunan bakat memerlukan pelaksanaan aktiviti secara fizikal. Rajah 10 berikut adalah sub tema bagi cabaran lanskap pendidikan pasca Covid 19 iaitu motivasi pelajar, sosio ekonomi keluarga, transformasi penggunaan teknologi, kualiti talian dan kurang interaksi fizikal.

Rajah 10

Sub Tema Cabaran Landskap Pendidikan Pasca Covid 19



## PERBINCANGAN

Situasi pendidikan dunia amnya dan negara khususnya telah mengalami perubahan. Pengurusan bakat menjadi satu keperluan global bagi mengisi perubahan dalam dunia pendidikan berkenaan. Ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (PPPN) yang memberi penekanan kepada lima fokus utama iaitu: pentaksiran, kualiti, kesaksamaan, perpaduan dan kecekapan, disamping enam aspirasi pelajar iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran kepimpinan, kecekapan dwi bahasa, etika dan kerohanian serta identiti kebangsaan. Abu Yazid (2023) membahaskan antara isu dan cabaran memenuhi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 ialah aspek perpaduan nasional, sekolah vernakular, capaian atau peluang pendidikan, taburan peruntukan yang tidak setara, kelemahan kemajuan pelajar, masalah keciciran dalam kalangan etnik minoriti dan jurang kesaksamaan bandar dan luar bandar. Fenomena perubahan landskap politik dalam negara turut memberi kesan perubahan kepada dunia pendidikan dan pentaksiran antarabangsa PISA dan TIMSS. Implikasi perubahan yang berlaku ini, memperlihatkan para pelajar sekolah seolah-olah menjadi subjek eksperimen antaranya seperti pelaksanaan aplikasi pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris yang kemudiannya diubah semula ke Bahasa Melayu. Ketidakstabilan polisi dan amalan pendidikan ini memberikan kesan langsung dan tidak langsung terhadap pengurusan bakat pelajar. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dengan jelas menyatakan pembangunan potensi pelajar menjadi keutamaan untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek (<https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan>, dilayari pada 8.1.2024). Kepentingan FPK terhadap kemenjadian para pelajar melalui pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri (Syahirah Rosli et al., 2022). Menurut Julian@Juliana Geore Jette dan Mohd Izham Mohd Hamzah (2020), kemenjadian murid ditakrifkan sebagai perubahan tingkah laku dalam bentuk keberhasilan murid selepas melalui proses pembelajaran secara formal maupun secara tidak formal.

## KESIMPULAN

Situasi pendidikan dunia amnya dan negara khususnya telah mengalami perubahan. Pengurusan bakat menjadi satu keperluan global dalam dunia pendidikan. Seiring dan bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan

Malaysia (PPPM), pihak sekolah, guru dan para murid perlu memberi tumpuan terhadap usaha pengurusan bakat pelajar untuk melonjakkan kemenjadian modal insan yang kompeten serta berkemahiran menghadapi dunia alaf baru. Strategi perlu dirangka bagi mendepani cabaran untuk memenuhi keperluan pengurusan bakat pelajar antaranya ialah kemahiran guru dalam pengurusan bakat pelajar.

## RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin (2017). Pendidikan Abad ke 21 Dalam Kepelbagaian Budaya: Cabaran dan Harapan. Seminar Pedagogi Antarabangsa ke-8 (PEDA8).
- Abdul Rahim Abu, Soabib Asimiran, Arnida Abdullah dan Siti Noormi Alias. (2023). Pasca Covid-19: Cabaran Pemimpin Instruksional Terhadap Kemenjadian Murid Sekolah Rendah, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 8, Issue 3, 1-11.
- Abu Yazid Abu Bakar (2015). Pola Isu, Persepsi, Serta Pengalaman Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dalam Kalangan Pelajar Pintar dan Berbakat, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40(2), 167-173.
- Abu Yazid Abu Bakar (2023). Fulfilling the Aspirations of Malaysia education Blueprint 2013-2025: Issues and Challenges. *Journal for Re Attache Therapy and Developmental Diversities*, Eissn:2589-7799. 2023 june; 6 (6s): 13-17.
- Abu Yazid Abu Bakar & Noriah Mohd Ishak. (2019). *Kaunseling dalam Pendidikan Pintar dan Berbakat di Malaysia*. Bangi: UKM Press.
- Ahmad Asmawi Mat Salim & Khairul Farhah Khairuddin. (2020). Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Murid Berkeperluan Khas. *Jurnal Dunia Pendidikan* (2)(1). 265-282.
- Ahmad Rozelan Yunus (2017). *Personaliti dan Keakuran: Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Alannah E. Refferty, Nerina L. Jimmieson & Achilles A. Armenakis. (2013). Change Readiness: A Multilevel Review. *Journal of Management*, Vol.39, No.1, 110-135.
- Alyami, A., Abdulwahed, A., Azhar, A., Binsaddik, A., & Bafaraj, S.M. (2021). Impact of Time-Management on the Student's Academic Performance: A Cross-Sectional Study. *Creative Education*, 12(03), 471-485. <https://www.scirp.org/journal/paperinformation?paperid=107573>.
- Andreas Schleicher. (2020). *The Impact of Covid-19 on Education – Insights from “Education at a Glance 2020”*, Paris: OECD Publishing.
- Arshy Prodyantasan, Mustofa Aji Prayitno, Ferdinand Salomo Leuwol, Siti Aminah, Maskur. (2023). Comparison of educational theories: perspectives of carol dewck and howard gardner in developling individual potential. *Anthor Education and Learning Journal*, Volume 2, Nomor 6 Tahun 2023, Halakan 725 – 732.
- Ausat, A.M.A. (2022). Positive Impact of The Covid-19 Pandemic on The World of Education. *Jurnal Pendidikan*, 23(2), 107-117. <https://doi.org/10.33830?JP.V23I2.3048.2022>.
- Azlin Zainal Abidin, Azlin Norhaini Mansor dan Jamalullail Abdul Wahab. 2017. Amalan Pengurusan Bakat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Selangor, Malaysia. Seminar Pendidikan Serantau ke - VIII. Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universiti Riau pada 7 September 2017, 278- 287.
- Baum, S.M., Schader, R., & Owen, S.V. (2017). *To Be Gifted and Learning Disabled: Strength-Based Strategies for Helming Twicexceptional Students with LD, ADHD, ASD, and more* (3<sup>rd</sup> ed.). Waco, TX: Prufrock Press.
- Bohon, C., Garber, J., & Horowitz, J. L. (2007). Predicting School Dropout and Adolescent Sexual Behavior in Offspring of Depressed and Nondepressed Mothers. *Journal of the American Academy of Child & Adolescent Psychiatry*, 46(1), 15–24. doi: 10.1097/01.chi.0000246052.30
- Bryman, A. 2012. *Social Research Methods*. New York: Oxford University Press.
- Buarque, C, Spolar, M, dan Zhang, T. (2006). Education and poverty reduction. *Review of Education*, 52, 219-229.
- Cappelli, P. (2008). Talent Management for the Twenty-First Century. *Harvard Business Review*, 86, 74-81.
- Cecilia Intang & Sabariah Mohd Sharif, (2019), Impak Personaliti, Kemahiran, Tahap Kompetensi Teras, Latihan Profesional serta Strategi Transformasi Amalan Profesional Pentadbir Terhadap Komitmen Guru di Sekolah-sekolah Menengah Sabah, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 4, Issue 6.
- Dupéré, V., Dion, E., Nault-Brière, F., Archambault, I., Leventhal, T., & Lesage, A. (2018). Revisiting the Link Between Depression Symptoms and High School Dropout: Timing of Exposure Matters. *Journal of Adolescent Health*, 62(2), 205–211. doi: 10.1016/j.jadohealth.

- Elsie Robertson (1991), *Neglected Dropouts the Gifted and Talented*, Equity & Excellence in Education, 25:1, 62-73, DOI: [10.1080/1066568910250112](https://doi.org/10.1080/1066568910250112)
- Fahimeh Veladat & Abdolrahim Navehebrahim. (2011). Designing A Model for Managing Talents Of Students In Elementary School: A Qualitative Study Based On Grounded Theory. *International Conference On Education And Educational Psychology (ICEEPSY 2011)*, *SciVerse ScienceDirect*, 29 (2011) 1052-1060.
- Fariza Khalid, Md Yusoff Daud & Mohd Jasmy Abd Rahman. (2021). Pendekatan Teknologi Terkini Dalam Mendepani Era RI 4.0.
- Gallardo-Gallardo, Eva. (2019). *Some Critical Reflections on the Relevance of Talent Management Research*. In book: *Managing Talent: A Critical Appreciation* (pp.33-50).
- Gagné, François. (2009). Building Gifts into Talents: Detailed Overview of The DMGT 2.0. *Leading Change in Gifted Education: The festschrift of Dr. 61-80*.
- Hasin, I., Othman, R., Abdullah, N. S., Mohd Yusoff, K., & Ab Rahman, M. R. (2022). Isu dan Cabaran Pembelajaran Digital dalam Transformasi Pendidikan Negara Pasca Covid-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15 (2), 23-32. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.2.3.2022>.
- Julian@Juliana George Jette & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2020). Hubungan Kemenjadian Murid Dalam Proses Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru: Penilaian Pentadbir Sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan* (2)(1). 171-179.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). Falsafah Pendidikan Kebangsaan. <https://www.moe.gov.my/index.php/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Lance A. Berger & Dorothy R. Berger (2004), *The Talent Management Handbook, Creating Organizational Excellence by Identifying, Developing, & Promoting Your Best People*. McGraw-Hill. New York Chicago San Francisco Lisbon Londo Madrid Mexico City Milan New Delhi San Juan Seoul Singapore Sydney Toronto.
- Linda L. Manwill & Lower Kuskokwim (1991), *Talented and Gifted Education in Rural Alaska: A Universal Model*, The National Research Enter on the Gifted and Talented, Newsletter, NRC G/T.
- Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2002), *Psikologi*. Univerisiti Putra Malaysia. Mac Graw Hill, Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. 1993. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar, M., & Mohtar, M. (2019). Wacana dalam Bilik Darjah Pelajar Pintar dan Berbakat: Analisis Wacana Kritis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (33), 183-191.
- Muaza Shifa Rumeli & Ahmad Aizuddin Md Rami. (2023). Meneroka Kesediaan dan Persepsi Pemimpin Pendidikan Terhadap Revolusi Industri 4.0. *International Journal of Education and Training (InJET)* 9 (Isu Khas): Mac: 1-9 (2023). 1-9.
- McKinsey & Company (2022), *What are Industry 4.0, the Fourth Industrial Revolution, and 4IR?* McKinsey Global Publishing.
- Mohamed Hatta Shaharom & Zul Azlin Razali (2018). *Medical Wisdom & Ar-Ruqyah AshSyar'iyah*. UIM Press. Selangor.
- Norfarahzatul Asikin, Mohamad Zuber & Muhammad Hussin (2022), Keciciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal, *Malaysia Journal of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*, 7(2). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>.
- Norman Rudhumbu & Cosmas Maphosa (2015) Implementation of Talent Management Strategies in Higher Education: Evidence from Botswana, *Journal of Human Ecology*, 49:1-2, 21-32, DOI: 10.1080/09709274.2015.11906820
- Noryana Mohd Nor, Corrienna Abdul Talib, Nur Wahidah Abd Hakim, Marlina Ali, Sharifah Osman, & Nor Hasniza Ibrahim. (2019). Penggunaan Sumber ICT dalam Pengajaran Kimia: Cabaran kepada Guru Masa Kini. *Innovative Teaching and Learning Journal* 2(2): 82–88.
- Piaw, C. Y. 2011. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Raden Isma Anggraini & Mohammad Syamsul Ma'arif. (2022). Talent Management Challenges in A Pandemic Covid-19: Literature Review, *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, Volume 7, Issue 47, 19-27.
- Raihan Mohd Arifin & Kamarul Shukri Mat Teh. (2019). Kemenjadian Pelajar Berasaskan Strategi Dan Pelaksanaan Iklim Dini: Satu Konseptualisasi. *Asian People Journal (APJ)* (2) (1). 54-63.
- Ranti Septianti, Abdul Wahab, Rochmi Hastuti, Yulian Purnama, Abu Muna Almaududi Ausat, Re-examining the Impact of Covid-19 on Education, *Jurnal Pendidikan Tambusai*, Vol. 7: No 1 2023. 3934-3940.
- Rorlinda Yusof. (2014). Ciri-Ciri Kepimpinan Pelajar Pintar dan Berbakat: Implikasi Ke atas Kepimpinan Remaja Islam. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 6: (Dec.) 2014. 57-70.
- Rusdinal & Hade Afriansyah. (2023). A Look at IR 4.0 in Education. *Proceedings Of The 2nd Multidisciplinary. International Conference (MIC) 2022 di Semarang*, Jawa Tengah Indonesia pada 12 November 2022.

- Shahroom, A.A., & Hussin, N (2018). Industrial Revolution 4.0 and Education. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol 8(9), 314-319
- Siti Zarina Mohd Ghazali & Azman Bin Ismail. (2013). Kaitan Antara Latihan Pengurusan Bakat Dengan Prestasi Kerja dalam Sektor Perbankan Islam. *Prosiding PERKEM VIII*, Jilid 1 (2013) 101 - 111.
- Syahirah Rosli, Siti Fairuz Mahmud & Mohd Edyazuan Azni.(2022).Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4, (1). 86-103.
- Syamil Ahmad Shakir & Myra Aidrin Binti Mohd Ali (2021). *Gifted Education In Malaysia: A Promising Tomorrow*. Kolej Genius Insan, Universiti Sains Islam Malaysia. Volume 17, Issue 1/2021
- Thorne, K. & A. Pellant (2007), *The Essential Guide To Managing Talent: Hot Top Companies Recruit, Train, & Am; Retain The Best Employees*, Kogan Page, [https://books.google.fr/books?hl=en&lr=&id=O7h8tyKIJVYC&oi=fnd&pg=PR8&dq=\).+The+essential+guide+to+managing+talent:+How+top+companies+recruit,+train,+%26+retain+the+best+employees&ots=WIMUkgPDyh&sig=kb7JmljwPTlXYW73G5pALOp9mM#v=onepage&q=\).%20The%20essen](https://books.google.fr/books?hl=en&lr=&id=O7h8tyKIJVYC&oi=fnd&pg=PR8&dq=).+The+essential+guide+to+managing+talent:+How+top+companies+recruit,+train,+%26+retain+the+best+employees&ots=WIMUkgPDyh&sig=kb7JmljwPTlXYW73G5pALOp9mM#v=onepage&q=).%20The%20essen) (dilayari pada 14 May 2022)
- Yong Salmah Nasir, Shahimi Mohtar & Ahmad Shabudin Ariffin. (2017). Kerangka Konseptual Keberkesanan Pengurusan Bakat Dalam Meningkatkan Prestasi Organisasi di BSN: Gaya Kepimpinan Sebagai Perantara. *Journal of Advanced Research in Business and Management Studies* 7, Issue 1 (2017) 67-78.
- Zalika Adam, Faridah Kassim & Mohamad Johdi Salleh. (2009). Memperkasa Pendidikan Luar Bandar. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009, 3-5 Februari 2009, Hotel Beverly, Kota Kinabalu, Sabah.